

☆☆☆
**Taktik Mafia
 tidak akan
 dibiarkan
 di negara ini**

KETUA Menteri Melaka, Encik Adib Haji Adam, mendakwa tentang adanya berbagai cerita mengenai taktik kempen termasuk taktik yang berupa ugutan dalam usaha mempengaruhi ahli-ahli UMNO supaya menyokong calon-calon mereka di Perhimpunan Agung bulan Jun nanti. Beliau difahamkan terdapat pihak-pihak yang dikatakan sedang berusaha menyalapkan "senarai hitam" berhubung dengan tindak-tanduk pemimpin-pemimpin kecil dalam menghadapi perhimpunan itu. (Utusan Melayu Mei 26, 1981).

Mengenai subjek yang sama, Berita Harian Mei 26, melaporkan pula Datuk Seri Dr. Mahathir sebagai menegaskan bahawa ahli-ahli UMNO tidak perlu tunduk kepada ugutan dari sesiapapun dalam pemilihan Majlis Tertinggi bulan depan. Timbalan Presiden UMNO Malaysia itu berkata, selagi beliau berkuasa dalam parti beliau akan menjamin ugutan dan ancaman seperti itu tidak berlaku.

Sebuah akhbar tempatan bahasa Inggeris baru-baru ini melaporkan pula Presiden MIC Datuk Samy Vellu sebagai berkata, ada kumpulan-kumpulan yang mengguna penjahat-penjahat atau gangster-gangster supaya mereka itu melakukan kegiatan-kegiatan seperti membawa beramai-ramai penyokong-penyokong mereka dalam molokar atau bus ke tempat-tempat di mana MIC mengadakan mesyuarat, semata-mata dengan tujuan membuat kacau dan mengganggu perjalanan mesyuarat berkenaan.

Sebuah majalah luar negeri bertarikh Mei 15 - 21, 1981 pula melaporkan Presiden Bangladesh, Ziaur Rahman, sebagai berkata bahawa beratus-ratus banduan yang

di satu ketika dahulu tidak berminat terhadap politik (yang dibebaskan dari penjara dalam beberapa tahun kebelakangan ini) di hari ini digunakan oleh orang-orang politik (dengan tujuan politik) dan dengan itu menjejaskan ketenteraman awam.

Presiden itu menggesa parti-parti politik supaya menjauhkan diri dari bekas-bekas banduan tersebut.

Penggunaan bekas-bekas banduan oleh orang-orang politik di negara tersebut telah membawa kepada beberapa kes pembunuhan atas sebab-sebab politik. Mangsa-mangsa pembunuhan itu adalah dari parti yang memerintah dan jua parti pembangkang. Baru-baru ini seorang wartawan tempatan dan seorang pemimpin Trade Union telah ditembak di Dacca, di ketika mereka pulang ke rumah setelah menghadiri mesyuarat.

Komen Penulis:

Ugutan melalui penggunaan "Senarai Hitam" (Black list) biasanya adalah taktik yang diamalkan oleh geng-geng Mafia dan Trade Union (luar negeri) yang diketuai oleh pemimpin-pemimpin militan, seperti yang kita seringkali lihat dalam cerita-cerita TV. (Orang-orang yang termasuk ke dalam "senarai" tersebut biasanya ditumbangkan dengan peluru ataupun dipengsanakan dengan buku lima...)

Bersyukurlah kita mendengar jaminan yang disuarakan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir tadi, iaitu taktik "gangster" seperti itu tidak akan dibiarkan berlaku di negara ini. Kerana, maklum sahajalah jika orang-orang politik desperasi dibenarkan mengamalkan taktik Mafia, iaitu mengeksploitasi tenaga gangster dan mengupah bekas-bekas banduan (seperti yang berlaku di Bangladesh) — maka rakyat yang cintakan keamanan akan kehilangan kebebasan memilih pemimpin-pemimpin mengikut nilai sendiri. Dan keadaan seperti ini akan membawa sesebuah negara kepada "anarchy" yakni, keadaan huru-hara, di mana "Rule of Law" akan digantikan dengan "Rule of the Jungle", yakni, "Undang-undang rimba", di mana mereka yang lemah akan dipijak ataupun dimakan oleh yang gagah!

☆☆☆